

Bina penempatan penduduk atau projek ternakan udang?

LKIM tolong beri penjelasan

UM 13/09/23 M/S 29

Oleh SITI NUR MAS

ERAH AMRAN

utusannews@mediamulia.com.my

BUKIT MERTAJAM: Penduduk Kampung Kuala Juru di sini membantah cadangan projek kolam ternakan udang yang didakwa akan dibangunkan di atas tanah yang sepatutnya dijadikan penempatan rumah nelayan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kampung Kuala Juru, Wahid Othman berkata, projek perumahan itu yang telah tertangguh sejak 25 tahun lalu turut menimbulkan persoalan sekali gus menggesa pihak berwajib memberi penjelasan.

Dakwanya, tanah seluas hampir 11 hektar itu adalah satu-satunya tapak yang dijanjikan kerajaan menerusi LKIM untuk dijadikan penempatan nelayan seperti yang termaktub dalam minit mesyuarat Jawatankuasa Projek Penempatan Perumahan Nelayan pada 15 Oktober 1998.

“Walau bagaimanapun, bulan lepas kita dapat ada dua jentolak masuk ke kawasan terbabit dan menjalankan kerja pembersihan.

“Pada mulanya, saya dimaklumkan ada pihak yang mahu jalankan kajian di situ, namun tidak lama kemudian baru kami dapat tahu akan ada projek kolam ternakan udang.

“Jadi, kami amat mengharapkan kerajaan khususnya LKIM dapat mempertahankan tanah seperti yang dijanjikan untuk manfaat nelayan di sini,” katanya.

Beliau berkata demikian keti-



WAHID Othman (tengah) dan Zulkifli Yusuf (dua, kanan) bersama sebahagian penduduk dan nelayan ketika mengadakan bantahan terhadap rancangan projek kolam udang di Kampung Kuala Juru, Bukit Mertajam, Pulau Pinang semalam. - UTUSAN/SITI NUR MAS ERAH AMRAN

ka ditemui pemberita di Dewan Orang Ramai Kampung Kuala Juru, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Wahid berkata, isu projek perumahan itu dibangkitkan setiap kali mesyuarat persatuan nelayan, namun sehingga kini masih belum ada jalan penyelesaian.

“Ada yang kata tempat itu tak sesuai untuk membina rumah,

tanah mendap dan sebagainya.

“Walau bagaimanapun, penduduk akan terus membantah sekiranya projek ternakan udang dijalankan di sini,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Luar Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Zulkifli Yusuf menggesa LKIM melaksanakan segera projek perumahan buat nelayan berkenaan.

“Kebanyakan nelayan di sini sudah berkeluarga dan mereka berhak mendapatkan keperluan asas seperti yang dijanjikan.

“Kita turut sama membangat sekiranya projek ternakan udang dijalankan di kawasan terbabit kerana ia akan mengancam alam sekitar dan kawasan ternakan kerang berhampiran,” katanya.